

# BAHASA KACUKAN: ANTARA REALITI SOSIOLINGUISTIK DENGAN IDEALISME PERANCANGAN BAHASA

*Awang Sariyan*

## Abstrak

Wujudnya bahasa kacukan dapat dikatakan fenomena sejagat bagi kebanyakan bahasa di dunia, khususnya bahasa yang mengalami pertembungan antara budaya. Istilah bahasa pinyin, bahasa kreol, peralihan kod dan percampuran kod merupakan istilah yang menandai kewujudan fenomena tersebut. Di Malaysia, beberapa tahun belakangan ini muncul istilah *bahasa rojak*, yang meskipun bukan istilah linguistik, menjadi satu tanda lagi kewujudan fenomena bahasa kacukan. Za'ba seawal tahun 1934 telah menghuraikan fenomena tersebut dalam buku *Ilmu Mengarang Melayu*. Makalah ini pada satu sisi mengupas isu bahasa kacukan dalam konteks realiti sosiolinguistik yang mewarnai situasi kebahasaan di Malaysia, dan pada satu sisi lain membincangkan dampak fenomena tersebut kepada usaha perancangan bahasa yang berkaitan erat dengan pembinaan tamadun bangsa dan negara. Idea pokok yang diharapkan dapat membuka perbincangan dan pemikiran ialah bagaimanakah bahasa kacukan patut diterima sebagai realiti sosiolinguistik dan pada waktu yang sama usaha perancangan bahasa untuk mengisi pembinaan negara tidak tergugat, khususnya dalam ranah rasmi dan intelektual.

## Abstract

*Language mixing is obviously a universal phenomenon, especially for languages that experience intercultural interaction. The terms such as pidgin, creole, code switching and code mixing represent the concept of that phenomenon. In Malaysia, as early as 1934, Za'ba had discussed it in his well-known work Ilmu Mengarang Melayu. This ar-*

*ticle, on one hand discusses mixed language as a sociolinguistics reality that becomes one of the elements which illustrate the Malaysian linguistic scenery. On the other hand, this article discusses the impact of it to the language planning which has its significance in nation-building process. The main issue that needs to be discussed is how mixed language ought to be accepted as a sociolinguistics reality and at the same time language planning as a means of nation-building is not affected by the uncontrolled usage of it, especially in the official and intellectual domains.*

## PENDAHULUAN

Fenomena wujudnya bahasa kacukan dalam mana-mana masyarakat atau bangsa di dunia bukanlah hal yang luar biasa. Barangkali hanya masyarakat primitif sahaja yang terkecuali daripada fenomena itu tetapi dalam perkembangan masyarakat itu selanjutnya mungkin sahaja kekecualian itu berubah. Asas berlakunya fenomena bahasa kacukan ialah pertembungan budaya yang secara langsung menyebabkan berlakunya proses perubahan bahasa, termasuk bahasa kacukan dalam bentuk bahasa pijin dan juga kreol. Kebudayaan Melayu telah sekian lama bertembung dengan pelbagai kebudayaan lain dari beberapa bahagian dunia. Yang paling awal dikesan ialah kebudayaan India yang secara langsung menyebabkan adanya pengaruh bahasa Sanskrit, dan kemudian Tamil serta Hindi dalam bahasa Melayu. Bahasa Sanskrit telah dikenal pasti sebagai bahasa yang mewarnai bahasa Melayu kuno bermula pada sekitar abad ke-4, berdasarkan penemuan prasasti bahasa Melayu Campa di Indocina, dan lebih ketara pada sekitar abad ke-7 apabila ditemukan prasasti-prasasti di Sumatera dan di Jawa yang kesemuanya menayangkan pengaruh bahasa Sanskrit, baik pada peringkat fonologi, leksikal mahupun sintaksisnya.

Kemudian dengan berkembangnya agama Islam di Kepulauan Melayu yang dibawa oleh orang Arab, maka secara langsung pula bahasa Melayu menerima pengaruh bahasa Arab, daripada penerimaan beberapa fonem baharu hingga kosa kata yang mewakili pelbagai ranah kehidupan dan juga dalam aspek sintaksis serta wacana. Sementara itu, kebudayaan lain, misalnya kebudayaan Cina telah juga berinteraksi dengan kebudayaan Melayu, khususnya pada zaman Kesultanan Melayu Melaka (sehingga telah terhasil daftar kata bahasa Melayu – Cina pada awal abad ke-5). Dengan kedudukan Melaka sebagai pusat perdagangan antarabangsa pada sekitar abad ke-5 dan ke-6, banyaklah kebudayaan lain lagi yang bertembung

dengan kebudayaan Melayu, misalnya kebudayaan Parsi hingga masuk pula sejumlah kosa kata bahasa Parsi dalam bahasa Melayu.

Kebudayaan Barat kemudian merupakan kebudayaan yang besar pengaruhnya kepada kebudayaan Melayu dan secara langsung juga mempengaruhi bahasa Melayu pada semua aras linguistik, daripada fonologi kepada aspek leksikal, sintaksis dan wacana. Dalam konteks bahasa kacukan yang menjadi fokus pembicaraan dalam kertas kerja ini, jelas bahawa semua bahasa yang bertembung atau berinteraksi dengan bahasa Melayu mempunyai pengaruh dalam menentukan profil kebahasaan di alam Melayu, termasuk di negara ini, dengan kewujudan bahasa kacukan sebagai salah satu kesannya.

## SITUASI BAHASA KACUKAN DI MALAYSIA

Sehingga kini, wujud beberapa bentuk bahasa kacukan di Malaysia sebagai hasil pertembungan antara budaya. Yang pertama ialah bahasa pijin, iaitu bahasa yang menggabungkan dua bahasa yang berlainan, lazimnya dalam aspek kosa kata dan struktur. Yang kedua ialah bahasa kreol, iaitu bahasa yang asalnya pijin tetapi telah mantap dan menjadi bahasa komuniti tertentu.

Bahasa pijin yang dikenal pasti di negara ini ialah bahasa pasar, iaitu bahasa yang dituturkan dengan menggunakan kosa kata bahasa Melayu yang dimasukkan ke dalam struktur bahasa asing, khususnya bahasa Cina dan bahasa Tamil (Asmah Haji Omar, 1982:99, Noriah Mohamed, 2003: 104). Walaupun umumnya penutur bahasa pasar ialah orang keturunan Cina dan India yang kurang menguasai bahasa Melayu, namun ada juga orang Melayu sendiri yang turut menggunakannya apabila berinteraksi dengan orang Cina dan India, mungkin sebagai strategi akomodatif [istilah Maya Khemlani David (1999) dalam Rodolfo Jacobson, 2004].

Kewujudan bahasa pijin dalam bentuk bahasa pasar di negara ini telah dikenal pasti oleh Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) pada tahun 1930-an apabila dalam bukunya *Ilmu Mengarang Melayu* (1934), fenomena itu turut dibincangkannya (lihat juga edisi baharu, 2002:75). Ia mentakrifkan bahasa pasar sebagai bahasa yang digunakan antara orang Melayu dengan bangsa-bangsa lain atau antara orang bangsa lain yang berlainan bangsa. Gambaran bentuk bahasa pijin di negara ini diberikan oleh Zainal Abidin Ahmad melalui contoh yang berikut:

“Saya boleh ajar apa macam mau jaga itu budak; tidak lama dia nanti cukup baik dan sihat. Pertama-tama itu budak kecil mesti selalu capak bersih. Nas boleh tunjuk apa macam mau kasi mandi itu budak. Lagi

satu mesti ingat, kasi itu budak makan dia punya emak punya susu sahaja, jangan susu lain. Itu emak punya susu dia punya makan yang lebih baik sekali, lagi lebih bersih dan senang boleh dapat, tidak kena belanja.”

(Za'ba, 2002:75)

Petikan wacana yang diberikan oleh Zainal Abidin Ahmad itu dengan jelas menunjukkan ciri bahasa pasar yang utama, iaitu penggunaan kosa kata bahasa Melayu dalam struktur bahasa asing, terutama dalam hal susunan kata. Asmah Haji Omar (1982:136) turut memberikan beberapa contoh yang menunjukkan penerapan struktur bahasa asing dengan penggunaan kosa kata Melayu, seperti *Saya nasi makan, Itu lembu kereta, Kita kebun pegi* yang dalam struktur bahasa Melayu ialah *Saya makan nasi, Itu kereta lembu, Kita pergi ke kebun*.

Bahasa kreol yang telah dikenal pasti di negara ini dapat dibahagi kepada dua. Yang pertama ialah bahasa kreol yang berasaskan bahasa Melayu dan yang kedua ialah bahasa kreol yang berasaskan bahasa asing. Bahasa kreol yang berasaskan bahasa Melayu ialah bahasa kaum Baba yang dituturkan di Melaka dan di Pulau Pinang, dan juga bahasa keturunan Chettiar atau kaum Ceti yang dituturkan oleh keturunan India yang dipercayai dibawa oleh Inggeris pada awal abad ke-19 (Asmah Haji Omar, 1992:7). Bahasa kreol yang berasaskan bahasa asing ialah bahasa Kristang, iaitu bahasa keturunan Portugis di Melaka (khususnya di perkampungan Portugis di Ujong Pasir, Melaka) yang merupakan waris bangsa Portugis yang datang ke Melaka pada abad ke-16. Bahasa Kristang ialah kreol Portugis yang tidak sama dengan bahasa Portugis yang digunakan di Portugal (Noriah Mohamed, 2003:58) dan bahasa itu digunakan hanya dalam kalangan keturunan Portugis hingga tidak difahami oleh orang Melayu di Melaka. Walau bagaimanapun, berlaku juga penyerapan unsur-unsur tertentu, seperti sebutan, kosa kata dan tatabahasa bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil dalam bahasa tersebut (Abdullah Hassan, 1999).

Perkembangan semua bahasa kacukan yang dibincangkan itu turut mewarnai sosiolinguistik di Malaysia, bersama-sama dengan pelbagai bahasa dan dialek serta variasi bahasa, tetapi bagi kreol, khususnya, tidak terlihat arah masa hadapan yang jelas. Dengan perkataan lain, kreol Baba dan Ceti yang berasaskan bahasa Melayu diramalkan dapat bertahan selama kelompok penuturnya terus aktif menggunakannya. Namun, dengan kian kurangnya jumlah generasi lama, dijangka kedua-dua kreol itu akan turut mengecil jumlah penggunanya. Bahasa pijin dalam bentuk bahasa pasar

dijangka lebih utuh ketahanannya atas faktor kepraktisan penggunaannya dalam komunikasi sehari-hari antara etnik.

Fenomena semasa yang amat relevan dengan perbincangan tentang bahasa kacukan ialah wujudnya bahasa campuran antara bahasa Melayu dengan bahasa asing yang dominan di negara ini, iaitu bahasa Inggeris. Dalam bidang linguistik, ahli-ahli sosiolinguistik menangani fenomena tersebut dalam konteks percampuran bahasa (*codemixing*) dan peralihan bahasa (*codeswitching*), iaitu fenomena yang dianggap lumrah dalam kebanyakan masyarakat moden yang terdedah kepada pengaruh bahasa lain (Rodolfo Jacobson, 2004:4). Dalam ungkapan popular, fenomena bahasa kacukan semasa yang berkaitan dengan percampuran bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris disebut orang sebagai *bahasa rojak*. Kertas ini seterusnya akan berfokus kepada fenomena tersebut, atas pertimbangan bahawa fenomena itu berkaitan rapat dengan isu dasar bahasa yang mempunyai pertalian erat pula dengan ideologi negara.

## ISU “BAHASA ROJAK” DALAM KONTEKS BAHASA KACUKAN

Sebagaimana popularnya rojak sebagai makanan kegemaran ramai di negara ini, tampaknya begitulah jua popularnya “bahasa rojak” dalam tempoh mutakhir. Isu tersebut menjadi salah satu isu bahasa yang hangat diperkatakan dalam media dan dalam pelbagai wacana seperti forum dan seminar, selain isu nasib bahasa Melayu yang kian terpinggir atau tidak diberi keutamaan pada tempatnya yang hak dan wajar, seperti dalam sesetengah majlis dan acara rasmi dalam negara, pada iklan dan papan tanda perniagaan, pada nama jalan, taman perumahan dan bangunan, dan sebagainya.

Pada pendapat sesetengah orang, fenomena bahasa rojak atau bahasa yang bercampur aduk itu tidak lebih daripada fesyen semasa yang tidak patut mencemaskan. Orang yang menilai bahasa sebagai fenomena sosial semata-mata menganggapnya sebagai realiti dan juga perkembangan yang biasa. Malah tidak kurang pula yang mengaitkannya dengan penerimaan kosa kata daripada bahasa-bahasa asing sejak bahasa Melayu mula bertembung dengan kebudayaan asing, seperti bahasa Sanskrit pada zaman bahasa Melayu kuno lagi.

Dalam bidang linguistik, sebenarnya tidak pernah wujud istilah *bahasa rojak*. Istilah ini ditimbulkan oleh sejumlah orang awam yang melihat adanya fenomena bahasa yang bercampur baur antara bahasa Melayu dengan bahasa

asing, khususnya dalam konteks zaman ini, bahasa Inggeris. Mereka mengaitkan sesuatu yang bercampur-campur itu sebagai rojak, kerana rojak merupakan makanan daripada beberapa bahan yang dicampur. Maka bahasa yang bercampur-campur itu pun dikaitkan oleh mereka dengan rojak, lalu timbullah istilah *bahasa rojak*.

Fenomena percampuran dalam penggunaan bahasa, sebagaimana yang telah dihuraikan lebih awal sebenarnya bukanlah fenomena baharu bagi bahasa Melayu, dengan wujudnya bahasa pijin dan kreol. Walau bagaimanapun, baik pijin mahupun kreol, kedua-duanya merupakan bahasa yang digunakan dalam konteks komunikasi sosial sehari-hari yang berkaitan dengan kategori bahasa basahan atau kolokial, bukan bahasa untuk urusan rasmi. Isu yang timbul dalam hal percampuran antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris perlu dilihat dalam dua konteks yang berlainan, iaitu konteks tidak rasmi dan konteks rasmi.

Percampuran antara kedua-dua bahasa itu dalam konteks komunikasi biasa yang tidak rasmi, seperti dalam perbualan, gurau senda, jual beli di pasar dan sebagainya dapat diterima sebagai suatu realiti sosiolinguistik, sebagaimana yang berlaku juga dalam kebanyakan bahasa lain. Hal ini demikian kerana dalam komunikasi tidak rasmi, berlaku keluwesan atau kelenturan bahasa yang amat ketara, disebabkan wujudnya pelbagai variabel sosial dan psikologi. Latar suasana, keperluan, topik dan sasaran komunikasi, misalnya amat berpengaruh kepada lakuan bahasa dalam konteks tidak rasmi. Maka itu, percampuran bahasa antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dalam konteks tidak rasmi tidak menimbulkan implikasi yang besar kepada kedudukan dan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu.

Dengan demikian, yang dikatakan bahasa rojak itu bolehlah dirumuskan sebagai satu variasi atau satu ragam bahasa basahan yang dapat diterima penggunaannya dalam suasana tidak rasmi. Walau bagaimanapun, apabila ragam bahasa itu digunakan dalam urusan yang rasmi, maka timbullah masalah kesalahan pemilihan ragam bahasa dan secara khusus masalah itu berkaitan dengan masalah kerancuan atau kesalahan bahasa, dan berkaitan juga dengan isu kesantunan bahasa. Adab bermakna bahawa sesuatu hendaklah diletakkan pada tempatnya yang betul. Oleh yang demikian, bahasa hendaklah digunakan sesuai dengan konteks dan keperluannya.

Dalam urusan rasmi dan untuk keperluan mengungkapkan ilmu serta pemikiran, bahasa yang sesuai digunakan ialah bahasa yang baku, bukan bahasa basahan atau bahasa pasar. Apabila ragam bahasa yang sepatutnya terbatas dalam suasana tidak rasmi itu digunakan juga dalam bidang yang

rasmi seperti dalam mesyuarat, penyiaran dan penulisan, maka memang dapat dirasakan fenomena itu sebagai satu gugatan kepada taraf dan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Dalam sejarah kebudayaan Melayu, khususnya sejak zaman bahasa Melayu klasik, telah wujud diglosia yang jelas apabila bahasa yang digunakan untuk mengungkapkan hal ehwal ilmu, pemikiran, pentadbiran, undang-undang dan aspek budaya tinggi yang lain (termasuk kesusasteraan) ialah bahasa Melayu yang baku, sementara bahasa Melayu pasar digunakan dalam perniagaan dan komunikasi sehari-hari. Demikianlah maka karya-karya yang mewakili ranah-ranah kehidupan bertamadun bangsa Melayu dalam zaman klasik diwakili oleh bahasa Melayu tinggi, iaitu bahasa persuratan (Awang Sariyan, 2000).

Dalam usaha kerajaan, melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk menonjolkan warisan bangsa, bahasa Melayu diwar-warkan sebagai salah satu warisan bangsa yang penting. Tentulah tidak adil dan tidak munasabah bahawa bahasa warisan bangsa dicerminkan oleh ragam bahasa yang tidak jelas akar dan jati dirinya, iaitu bahasa yang bercampur aduk seperti yang tergambar pada bahasa rojak. Walaupun memang tidak ada sesiapa jua yang patut menafikan kewujudannya dan keperluan menggunakannya dalam suasana tidak rasmi, namun mengizinkan atau membiarkannya berlangsung dengan leluasa dalam bahasa rasmi akan menjejaskan dasar bahasa negara yang berkaitan erat dengan pembinaan jati diri dan citra bangsa. Proses perancangan bahasa yang telah berlangsung sejak kemerdekaan yang melibatkan aspek taraf dan korpus bahasa Melayu telah membentuk citra bahasa negara sebagai wahana bagi ranah-ranah kehidupan bertamadun, terutama ranah pentadbiran dan pendidikan.

Tradisi bahasa persuratan sebagai tonggak tamadun Melayu yang telah wujud sejak ratusan tahun lampau, khususnya di pusat-pusat tamadun Melayu seperti Melaka, Aceh, Pasai, Pattani, Banjarmasin, Riau Johor dan yang lain-lain di bawah kesultanan Melayu perlu dipertahankan. Maka itu, apabila kita berbicara tentang bahasa Melayu dalam konteks warisan bangsa, rujukan utamanya adalah kepada bahasa persuratan atau bahasa baku, dengan tidak pula menafikan kewujudan dan peranan ragam-ragam yang lain dalam konteks kehidupan bermasyarakat.

## **ANTARA BAHASA ROJAK DENGAN KATA SERAPAN**

Kalangan yang tidak melihat bahasa rojak sebagai fenomena yang menimbulkan masalah sering kali berhujah dengan berasaskan fakta bahawa

bahasa Melayu telah sekian lama menerima puluhan ribuan kata, termasuk istilah, daripada bahasa asing. Mereka menyamakan fenomena bahasa rojak dengan pengambilan atau penyerapan kata atau istilah asing. Orang yang menimbulkan isu bahasa rojak dianggap tidak memahami sejarah perkembangan bahasa dan tidak sedar akan adanya sekian banyak kata daripada bahasa asing dalam bahasa Melayu sejak ratusan tahun lalu.

Salah seorang bekas pemimpin tinggi negara, seperti yang dilaporkan oleh media, pernah membuat kenyataan bahawa untuk memastikan sama ada wujud bahasa rojak atau tidak, sarjana perlu menjalankan kajian sama ada bahasa Melayu telah menerima kata-kata asing atau tidak. Beliau mengatakan bahawa tidak ada kajian tentang kata-kata bahasa asing dalam bahasa Melayu lalu menyeru agar orang yang bercakap tentang bahasa rojak jangan emosional dan hendaklah membuat kajian lebih dahulu. Sebenarnya, kajian tentang fenomena pengambilan kata daripada bahasa asing ini sudah begitu banyak dilakukan oleh para sarjana. Yang tersirat di balik cadangan itu ialah bahawa tokoh berkenaan tidak setuju dengan pendapat wujudnya bahasa rojak dalam bahasa Melayu disebabkan telah wujud beberapa banyak kata daripada bahasa asing.

Seorang penyanyi dan penggubah lagu pula, dalam segmen hiburan sebuah akhbar, mengatakan bahawa ucapan salam dalam bahasa Arab itu menunjukkan bahawa bahasa Melayu memang telah lama menerima kata asing, dan oleh itu tidak patut ditimbulkan isu bahasa rojak. Sehubungan dengan itu, segolongan lagi orang yang salah faham tentang isu bahasa rojak, iaitu yang mengaitkannya dengan pengambilan kata dan istilah daripada bahasa asing, malah menuduh ahli dan pejuang bahasa menutup kemajuan bangsa apabila “menolak” kata-kata daripada bahasa asing.

Sebenarnya, fenomena penerimaan kata dan istilah daripada bahasa asing tidak ada kaitannya dengan isu bahasa rojak. Pengambilan kata dan istilah daripada bahasa asing untuk tujuan memperkaya ilmu dan kebudayaan memang merupakan amalan semua bangsa di dunia. Konsep-konsep yang belum ada dalam sesuatu kebudayaan lazimnya diserapkan oleh bangsa pemilik kebudayaan itu daripada kebudayaan lain, melalui penerimaan istilah-istilah yang mendukung konsep-konsep tersebut. Dalam bahasa Melayu, telah dikenal pasti bahawa pada zaman bahasa Melayu kuno lagi, yang bermula pada sekitar abad ke-4 Masihi, kosa kata daripada bahasa Sanskrit telah mewarnai bahasa Melayu sebagai akibat langsung proses pertembungan budaya Melayu dengan budaya India. Hingga kini, kita mewarisi ribuan kata daripada bahasa Sanskrit yang meliputi pelbagai ranah kehidupan. Za'ba (2002) mengelaskan pengaruh kosa kata bahasa



Sanskrit dalam bahasa Melayu kepada 14 ranah, iaitu tubuh manusia, waktu, perdagangan, galian, kekerabatan, cakerawala, haiwan, tumbuh-tumbuhan, perasaan dan keadaan, senjata dan peperangan, kebesaran, pemerintahan serta agama dan pengetahuan. Satya Deva Misra dalam karangannya *Sanskrit Loanwords in Bahasa Malaysia: A Preliminary Survey* mengelaskan kosa kata daripada bahasa Sanskrit kepada ranah agama, falsafah, fenomena alam, kenegaraan, kekerabatan, nama haiwan, nama tumbuh-tumbuhan, kekeluargaan, nama anggota tubuh manusia, nama penyakit, perdagangan, bahasa, kesusasteraan, pendidikan, angka, tanda masa dan arah dan beberapa lagi (Awang Sariyan, 2002).

Apabila orang Arab datang ke alam Melayu pada sekitar abad ke-13, mereka memperkenalkan ajaran Islam yang secara langsung pula memberikan dampak kepada perubahan bahasa Melayu. Daripada bahasa yang berpaksi pada bahasa Sanskrit, daripada unit fonem hingga wacananya, bahasa Melayu pada zaman klasik beralih paksi kepada bahasa Arab dalam semua aras linguistik. Kosa kata bahasa Melayu, di sisi mengekalkan serapan daripada bahasa Sanskrit diperkaya oleh bahasa Arab dalam pelbagai ranah kehidupan. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972) merumuskan dampak kedatangan Islam kepada bahasa Melayu dengan kenyataan bahawa bahasa Melayu dan kebudayaan Melayu mengalami perubahan rupa dan jiwa, khususnya dengan meresapnya faham intelektualisme dan rasionalisme dengan menyerapkan ribuan kata dan istilah yang mewakili pandangan sarwa Islam. Konsep-konsep keagamaan dan juga konsep-konsep dalam ranah kehidupan lain yang belum pernah ada dipindahkan ke dalam bahasa Melayu melalui penerimaan kata dan istilah baharu, meskipun ada juga kata dan istilah yang sedia ada yang dikekalkan tetapi diberikan makna baharu, misalnya kata *sembahyang, puasa, syurga, neraka, pahala, dosa* dan sebagainya yang berasal daripada bahasa Sanskrit.

Apabila kemudian bertembung pula dengan budaya Barat, bahasa Melayu menerima sekian banyak kata dan istilah daripada bahasa-bahasa Barat, terutama bahasa Inggeris kerana kebanyakan ilmu dalam zaman moden dikembangkan melalui bahasa-bahasa Barat. Maka konsep-konsep baharu dalam pelbagai bidang ilmu itu dipindahkan ke dalam bahasa Melayu melalui penerimaan istilah-istilah dalam bidang-bidang ilmu itu daripada bahasa sumbernya, iaitu bahasa-bahasa Barat, khususnya bahasa Inggeris. Melalui penerimaan istilah daripada pelbagai bahasa sumber itulah kini bahasa Melayu memiliki kira-kira satu juta istilah dalam ratusan bidang ilmu. Pastilah fenomena ini tidak berkaitan sama sekali dengan isu bahasa rojak.

Rodolfo Jacobson (2004) memberikan huraian yang jelas dengan menyatakan bahawa unsur bahasa asing yang telah mengalami pengubahsuaian fonologi atau integrasi morfologi dalam bahasa penerima dikategorikan sebagai kata pinjaman (*loanwords*). Unsur yang belum mengalami pengubahsuaian fonologi dan morfologi, atau dengan perkataan lain, yang masuk ke dalam bahasa penerima dalam bentuknya yang asal dikategorikan sebagai peralihan bahasa (*codeswitching*). Jacobson memberikan contoh bahawa kata *kopi* yang telah mengalami pengubahsuaian fonologi dan kata *mendefinisikan* yang telah mengalami integrasi morfologi merupakan kata pinjaman atau kata serapan, bukan peralihan bahasa, apatah lagi bahasa rojak.

Bahasa Inggeris yang dianggap bahasa besar dan bahasa antarabangsa itu pun tidak terlepas daripada fenomena penyerapan kosa kata daripada bahasa asing. Kamus-kamus bahasa Inggeris menunjukkan bahawa banyak kosa kata bahasa Inggeris yang berasal daripada bahasa Latin, bahasa Perancis, bahasa Jerman, bahasa Arab dan bahasa-bahasa lain. Bahkan ada kata daripada bahasa Melayu yang telah diserapkan ke dalam kosa kata bahasa Inggeris. Misalnya, kata *compound*, menurut Wilkinson, berasal daripada kata “kampung”. Begitu juga halnya dengan kata “orang hutan” yang telah diterima masuk ke dalam kosa kata bahasa Inggeris walaupun sebutannya berubah menurut cara orang Inggeris menyebutnya. Dalam *Webster's New Twentieth Century Unabridged Dictionary*, ada dijelaskan, misalnya kata *upas* yang diambil daripada bahasa Melayu. Penerimaan kosa kata daripada bahasa asing tidak menyebabkan bahasa Inggeris tercemar atau menjadi bahasa rojak selama struktur asasinya, terutama aspek tatabahasanya dipelihara.

Sebenarnya, tidak ada salahnya kita mengambil kata daripada bahasa asing untuk tujuan memperkaya ilmu, kebudayaan dan pemikiran bangsa. Hal ini bersesuaian dengan maksud firman Allah dalam ayat 13 *Surah al-Hujurat* yang dengan jelas menyebut tujuan dijadikan-Nya manusia ini berbangsa-bangsa (bererti wujud pelbagai bahasa), iaitu untuk saling mengenal. Jadi, usaha memanfaatkan kosa kata daripada bahasa bangsa lain itu bagi tujuan meningkatkan ilmu, pemikiran dan kebudayaan, pada hemat saya, termasuk dalam konsep *lita'arafu* (untuk saling mengenal), yang disebut pada hujung ayat al-Quran itu.

Namun demikian, pengaruh bahasa asing itu tentulah perlu diserapkan dan diambil secara sistematik. Maksudnya, kata atau istilah daripada bahasa asing itu sedapat mungkin ditapis melalui sistem bahasa Melayu, baik dalam hal fonologi mahupun morfologinya, sehingga tidak kelihatan atau

kedengaran asing lagi supaya sesuai dengan sifat bahasa Melayu. Akhirnya kosa kata bahasa asing itu diterima pula sebagai sebahagian daripada khazanah bahasa Melayu dan tidak dianggap kata asing lagi. Hal ini sama sahaja dengan yang berlaku dalam bahasa Inggeris. Sekian banyak kata daripada bahasa Latin, Perancis, Jerman dan Arab yang sudah ditapis menurut sistem bahasa Inggeris, akhirnya kini menjadi milik bahasa Inggeris. Siapakah yang sedar, kecuali ia mengkaji, bahawa sekian banyak kata dan istilah sains dalam bahasa Inggeris banyak yang diambil daripada bahasa Arab? Kata seperti *chemistry*, *algebra*, *alcohol*, *arithmetic*, *sodium* asalnya daripada bahasa Arab. Bahkan kata *guitar*, iaitu sejenis alat muzik itu pun, menurut sarjana yang bernama M.M. Shariff, diambil daripada kata *al-qitharah* dalam bahasa Arab. Demikian juga banyaknya kata dalam bahasa Inggeris yang asalnya daripada bahasa Latin dan bahasa-bahasa Eropah yang lain.

Dalam mana-mana bahasa pun, fenomena penyerapan dan pengambilan ini memang tidak dapat dan tidak perlu dielakkan. Tujuannya, tidak lain dan tidak bukan, adalah untuk kemajuan bangsa. Namun, fenomena bahasa rojak yang tidak teratur percampurbaurannya itu, ialah satu ragam bahasa yang tidak menurut sistem. Keseluruhan unsur bahasa asing itu diterima dalam bentuk asalnya dan dicampurkan dalam wacana atau ujaran bahasa Melayu yang rasmi, seperti dalam taklimat, mesyuarat, ceramah dan sebagainya. Percampuran itu boleh jadi dalam bentuk kata, frasa mahupun ayat seluruhnya. Fenomena itulah yang dikatakan oleh Datuk Seri Dr. Rais Yatim sebagai “sekerat ular sekerat belut”.

Sebenarnya, jika unsur bahasa asing diambil dan digunakan dengan bersistem, tidak timbul masalah kerancuan bahasa. Misalnya, kata *fenomena*. Asal kata ini daripada bahasa Inggeris tetapi setelah diubahsuai ejaan dan sebutannya, kata ini telah diterima menjadi bahasa Melayu. Begitu juga kata *sains*, *teknologi*, *atom* dan ratusan ribu lagi kata dan istilah ilmu yang telah diserapkan ke dalam bahasa Melayu. Penggunaan kata dan istilah itu, meskipun berasal daripada bahasa asing, tidak wajar dikatakan sebagai bahasa rojak.

Selain itu, tidak harus pula penggunaan petikan daripada sumber berbahasa asing yang dijadikan maklumat pelengkap sesuatu fakta dalam wacana (ucapan, ceramah atau rencana) itu dianggap bahasa rojak. Memang lazim bahawa dalam ucapan dan tulisan, kita memetik kata-kata tokoh, ungkapan seperti peribahasa atau kata hikmat yang kadang-kadang sumbernya daripada bahasa asing. Bahkan petikan ayat al-Quran dan hadis dalam kalangan orang Islam menjadi sebahagian wacana. Sebaik-baiknya

unsur itu kita terjemahkan, tetapi adakalanya timbul keperluan mengekalkannya dalam bahasa asalnya untuk dihayati susunan bahasanya atau atas sebab lain yang munasabah.

Fenomena menggunakan bahasa Melayu yang bercampur aduk dengan bahasa Inggeris dalam ayat atau wacana, yang dikenal sebagai bahasa rojak itu dapat diterima sebagai kenyataan dalam kehidupan sehari-hari, selama penggunaannya terbatas dalam suasana tidak rasmi, misalnya dalam perbualan, gurau senda dan sebagainya. Namun, apabila fenomena itu berlaku dalam wacana yang rasmi sifatnya, seperti dalam mesyuarat di jabatan kerajaan, maka telah berlaku kesalahan memilih ragam bahasa yang sesuai dan telah berlaku kepincangan dalam adab berbahasa. Bukankah mesyuarat merupakan salah satu bentuk urusan rasmi kerajaan, yang sepatutnya dilaksanakan dengan menggunakan bahasa Melayu yang rasmi dan bukan bahasa basahan?

Memang tiada sesiapa pun di dunia ini yang mampu mencapai titik kesempurnaan dalam berbahasa hingga tiada sama sekali terselit unsur bahasa asing. Tiada ahli bahasa mana pun yang mengharapkan keadaan sedemikian. Malah tiada ahli bahasa mana pun yang mampu mencapai kesempurnaan seperti itu. Hal itu bukan isunya. Isunya adalah apabila amat ketara percampurbauran antara bahasa Melayu dengan unsur bahasa asing dalam wacana yang rasmi seperti mesyuarat, ucapan, penyiaran dan sebagainya, maka terjejaslah budaya berbahasa yang sihat, iaitu yang berdasarkan adab seperti yang telah dijelaskan. Setiap ragam bahasa ada tempat, keperluan dan suasananya yang tertentu. Apabila adab berbahasa tidak dijaga, akhirnya yang terhasil ialah bahasa Melayu yang kehilangan sifat dan nilai rasminya, seolah-olah bahasa Melayu hanya bahasa perbualan, bahasa gurau senda dan bahasa untuk berjual beli di pasar sahaja. Hakikatnya adalah bahawa bahasa Melayu ialah bahasa ilmu, bahasa pemikiran, bahasa undang-undang, bahasa seni sastera yang halus, bahasa sains dan bahasa budaya tinggi dan oleh itu patut dipelihara serta diperkukuh ragam bahasa tingginya itu.

## **IMPLIKASI BAHASA ROJAK KEPADA TAMADUN BANGSA**

Sesetengah orang berpendapat bahawa isu kerancuan bahasa yang ditandai oleh bahasa rojak itu tidak patut dibesar-besarkan, atas alasan bahawa ada isu yang lebih besar. Ada yang berpendapat bahawa bahasa rojak ialah gejala atau simptom, bukan penyakit. Yang dikatakannya penyakit yang sebenarnya

ialah pelaksanaan dasar bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Pada hemat saya, baik kelemahan dalam pelaksanaan dasar bahasa mahupun mutu bahasa yang rendah, kedua-duanya tetap merupakan masalah. Kedua-duanya menjadi faktor yang menurunkan darjat dan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa tonggak tamadun bangsa dan negara.

Apabila kita bercakap tentang isu bahasa rojak, hal itu tidak bererti bahawa perhatian kita tertumpu semata-mata pada bahasa rojak. Pada waktu yang sama sebenarnya kita perlu membicarakan isu bahasa yang lain, seperti pelaksanaan dasar bahasa yang kurang tegas dan tidak menyeluruh, misalnya soal adanya jabatan kerajaan yang tidak melaksanakan dasar bahasa, soal institusi pengajian swasta tidak mengendahkan bahasa Melayu dalam pengajiannya, soal bahasa Melayu sudah tidak menjadi bahasa penghantar utama lagi dan sebagainya.

Kalau bahasa kita diletakkan di mercu pentadbiran dan pendidikan negara, yang tentu kita harapkan ialah bahasa yang baik mutunya, bukan bahasa yang buruk atau yang tidak mencerminkan martabat bahasa itu sebagai bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa budaya tinggi. Bagaimana dapat kita katakan bahasa Melayu ini bahasa ilmu, bahasa pentadbiran, bahasa undang-undang dan bahasa budaya tinggi kalau mutunya tidak terkawal? Kita mungkin dapat menerima percampuran bahasa dalam komunikasi biasa, misalnya dalam perbualan seperti yang berikut:

1. *Depends*lah, macam bapa dengan anak?
2. Tak tahulah, *maybe I want somebody understanding*.
3. Ya, I rasa I suka juga Patrick. *He's a nice guy*.
4. Dah, dahlah tu. *Not only that we are doing it bilingual*.
5. *You* nak beli barang lain; ini macam punya, *you are special one*.

(Dipetik daripada Rodolfo Jacobson, 2004:46)

Tetapi dapatkah kita menerima percampuran dalam urusan rasmi seperti mesyuarat, sebagaimana dalam contoh yang berikut:

1. ... kita menjemput profesor-profesor luar yang mungkin warga fakulti, itu sebab kita letak bahasa Inggeris itu untuk buat dia *transparent*. Tetapi sekiranya fakulti rasa *sensitive* untuk mereka *replace*, kita boleh tarik balik.
2. Sebab biasanya *call for papers at least one year ahead*, kan?
3. Ada orang, mereka nak derma, tetapi mereka tak tahu. Kenapa tak

minta. *So this is one way.*

4. Kita perlukan *diagnosis test that is needed as soon as possible.*
5. *Diagnosis test*, apa ini latar belakang tentang jenis guru, *primary* ke, *secondary* ke?

(Dipetik daripada Rodolfo Jacobson, 2004)

Bagi saya, kita tidak patut meremehkan bahasa yang baik, kerana dalam pertumbuhan dan perkembangan mana-mana tamadun, bahasa yang rasmi dan yang baku itu memang perlu untuk tujuan pemikiran, ilmu dan bidang kehidupan lain yang mencerminkan ketinggian tamadun bangsa itu. Bahasa basahan itu pula kita akui kewujudannya dan fungsinya untuk keperluan perhubungan sehari-hari. Secara mudah, keperluan kita terhadap bahasa yang rasmi samalah halnya dengan keperluan kita terhadap pakaian yang rasmi untuk majlis dan suasana rasmi. Sebaliknya, bahasa basahan atau bahasa percakapan kita perlukan juga, sama halnya dengan keperluan kita akan pakaian basahan untuk di rumah dan di tempat lain yang sesuai dengan sifat pakaian itu.

Dari segi sosiolinguistik, ada dua konsep yang penting dihayati. Pertama, ada ragam bahasa yang dikatakan “bahasa terbina” atau *elaborated code*, iaitu bahasa yang menjadi tunjang masyarakat moden. Bagi tamadun moden, mesti ada bahasa yang terbina itu; barulah dapat berlangsung kehidupan bertamadun yang tergambar dalam bidang ilmu, undang-undang, pentadbiran, penerbitan dan sebagainya. Jelas bahawa semua itu memerlukan ragam bahasa tinggi yang saya sebut “bahasa terbina” itu, iaitu perlu dirancang sistemnya, baik dalam hal kosa kata, tatabahasa, ejaan, sebutan mahupun larasnya. Bahasa sehari-hari untuk perhubungan biasa tidak mungkin dapat memainkan peranan untuk bidang-bidang itu.

Satu lagi ialah yang dikatakan ragam “bahasa terhad” atau *restricted code*, iaitu bahasa yang digunakan untuk bidang yang terbatas, iaitu untuk perhubungan mudah dalam kehidupan sehari-hari, seperti perbualan, berjual beli di pasar dan sebagainya. Untuk sekadar hidup dan menjalani kehidupan yang amat sederhana, orang primitif pun dapat hidup dengan sekadar memiliki ragam bahasa terhad itu. Tetapi bagi masyarakat yang maju, ragam bahasa terhad itu tidak mungkin cukup. Hal ini berlaku dalam semua bahasa yang masyarakatnya bertamadun tinggi. Dalam bahasa Arab, ada konsep *fusha*, iaitu ragam bahasa Arab tinggi. Dalam bahasa Inggeris ada *standard English* dan *Queen’s English* walaupun tetap ada *colloquial English*. Bahasa sebagai warisan tamadun bangsa perlu dikaitkan dengan bentuk bahasa

tinggi, iaitu bahasa pengungkap ilmu dan pemikiran. Bahasa sebagai warisan bangsa bukan sekadar bahasa yang mewariskan pelbagai bentuk sastera yang unggul seperti pepatah-petitih, peribahasa, gurindam, syair, pantun, seloka, teromba, dan hikayat sahaja.

Demikianlah maka penggunaan bahasa, di sisi menggambarkan realiti fenomena sosial, sebenarnya mempunyai pertalian yang erat dengan pembinaan tamadun bangsa dan negara. Usaha menjadikan bahasa sebagai wahana atau wasilah pembinaan tamadun bangsa dan negara dilaksanakan melalui perancangan bahasa, iaitu subdisiplin yang digarap dalam bidang sosiolinguistik. Perancangan bahasa terbahagi dua, iaitu perancangan taraf bahasa dan perancangan korpus bahasa. Perancangan taraf bahasa berkaitan dengan usaha menentukan pemilihan sesuatu bahasa tertentu menjadi bahasa yang melaksanakan fungsi-fungsi kenegaraan. Yang dimaksudkan dengan fungsi kenegaraan ialah bidang yang menandai beroperasinya sesebuah negara, misalnya bidang pentadbiran, undang-undang, pendidikan, dan perdagangan. Dalam konteks Malaysia, perancangan bahasa menetapkan pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa penghantar utama sistem pendidikan. Bahasa kebangsaan berkaitan erat dengan beberapa fungsi kenegaraan, khususnya melambangkan kewujudan satu entiti politik yang dikenal sebagai *negara*, menjadi unsur perpaduan atau integrasi kebangsaan bagi penduduk yang majmuk sifatnya dan menjadi asas jati diri bangsa.

Bahasa rasmi pula berkaitan dengan fungsi menggerakkan jentera pentadbiran negara, pertama-tamanya kerana bahasa memainkan peranan sebagai wahana komunikasi dalam pentadbiran, dan keduanya tanpa bahasa yang sama sebagai bahasa untuk pentadbiran, pasti berlaku kesenjangan atau jurang pengertian antara penjawat awam yang melaksanakan pentadbiran negara. Singapura yang menetapkan empat bahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa rasmi ternyata mengambil langkah pragmatis dengan memilih bahasa Inggeris sebagai bahasa pentadbiran kerana tidak mungkin praktis penggunaan keempat-empat bahasa untuk tujuan kelancaran pentadbiran.

Akhirnya, taraf bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama dalam sistem pendidikan bertujuan mengilmukan rakyat melalui penggunaan bahasa yang sama untuk tujuan pendemokrasian pendidikan di samping untuk tujuan perpaduan kebangsaan. Penetapan dasar tersebut oleh Jawatankuasa Pelajaran Razak pada tahun 1956, iaitu setahun sebelum kemerdekaan, ternyata telah membuahkan hasil yang nyata apabila sebahagian besar rakyat mendapat ilmu dalam bahasa yang sama tanpa

diskriminasi, sebagaimana yang berlaku dalam zaman penjajahan, apabila ilmu yang agak tinggi dan canggih hanya diperoleh di sekolah Inggeris yang dikhususkan pula untuk anak golongan bangsawan atau elit. Yang tidak kurang pentingnya adalah bahawa penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama dalam sistem pendidikan negara memenuhi gagasan “maju dalam acuan sendiri” yang kemudian dinukilkan dalam Wawasan 2020.

Proses pengisian erti taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu itu terlaksana dalam perancangan korpus bahasa, iaitu proses yang dikenal juga sebagai kodifikasi, pembakuan atau standardisasi. Perancangan korpus bahasa melibatkan usaha menyelaraskan sistem bahasa yang merangkum sistem ucapan atau sebutan, sistem ejaan, kosa kata (termasuk istilah), tatabahasa dan laras bahasa. Tujuannya tidaklah lain daripada memastikan bahasa yang telah diberi taraf sebagai bahasa negara itu mempunyai lunas-lunas yang jelas dan relatif seragam untuk digunakan dengan praktis oleh pengguna bahasa, khususnya mereka yang menggunakan bahasa tersebut dalam urusan rasmi dan untuk tujuan pendidikan. Dalam konteks inilah penggunaan bahasa kacukan atau bahasa rojak tanpa kawalan dan tanpa batas mungkin sahaja menjejaskan idealisme perancangan bahasa, iaitu untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Terjejasnya bahasa yang baku, kaburnya bentuk bahasa yang rasmi dan mewakili budaya tinggi dengan sendirinya menjejaskan cita-cita membina tamadun bangsa, kerana tidak ada tamadun yang meremehkan aspek mutu bahasa yang menjadi wasilah tamadun itu.

## **KAEDAH MENANGANI ISU BAHASA ROJAK**

Pertama, penggunaan bahasa yang baik dan santun hanya dapat dibudayakan melalui pendidikan. Oleh sebab itu, semua pihak perlu menjadikan pendidikan sebagai wadah untuk membina sahsiah generasi kita, termasuk dalam soal penggunaan bahasa dan kecintaan kepada bahasa warisan bangsa, sekalipun kita tetap perlu mempelajari dan menguasai bahasa asing. Di sekolah dan di institusi pendidikan yang lain, penekanan perlu diberikan kepada penguasaan bahasa Melayu yang baku dan ragam bahasa rasmi, di samping penguasaan pelbagai ragam lain untuk keperluan dalam kehidupan. Pelajar mesti diberi kemahiran menggunakan bahasa yang baik, teratur dan berkesan. Anggapan bahawa bahasa Melayu itu begitu mudah hingga tidak perlu dipelajari secara serius harus dikikis dalam kalangan pelajar. Guru



pula patut dapat menjadi contoh yang baik dalam hal penggunaan bahasa yang teratur. Di maktab dan di universiti pun penguasaan bahasa yang baik perlu terus diberi penekanan. Tidak patut timbul anggapan salah bahawa pelajar telah belajar bahasa selama 11 tahun di sekolah dan oleh itu di maktab dan di universiti tidak perlu lagi ditekankan kursus bahasa. Akibatnya ialah kegagalan kita melahirkan lepasan universiti yang mampu berbahasa dengan baik dan berkesan, baik secara lisan mahupun dalam tulisan.

Pensyarah di universiti yang berhadapan dengan tugas pelajar sering mengalami kesukaran untuk menatap esei pelajar yang kemas bahasanya, utuh wacananya dan berkesan retoriknya. Akhirnya mereka yang tergolong dalam kumpulan ini apabila keluar dari universiti dan masuk ke alam pekerjaan menjadi pegawai atau pengurus yang tidak dapat menulis dokumen dengan baik dan berkesan. Dalam mesyuarat pula, apabila bahasa Melayu tidak dapat dikuasainya dengan baik, maka mulalah mereka mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa asing, seolah-olah di luar kesedaran bahawa bahasa Melayu yang digunakan dalam mesyuarat itu ialah bahasa rasmi.

Yang kedua, saya menyarankan penguatkuasaan dan pengawasan secara bersepadu oleh semua pihak berwajib untuk memastikan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dihormati penggunaannya pada papan iklan, papan perniagaan, nama tempat, jalan, bangunan dan sebagainya. Demikian juga bahasa Melayu hendaklah ditegaskan penggunaannya dalam surat rasmi, mesyuarat, ucapan, taklimat dan sebagainya. Majlis rasmi di peringkat kebangsaan perlu dilangsungkan dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Jika ada keperluan menggunakan bahasa asing atas sebab tertentu yang munasabah, maka bahasa Melayu mestilah diutamakan, baik dalam pengacaraan majlis, dalam ucapan dan juga pada latar pentas dan sekitaran majlis. Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyiapkan Garis Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Urusan dan Majlis Rasmi dan diharapkan garis panduan itu dapat diikuti oleh semua penjawat awam di semua peringkat, sama ada dari sudut pengutamaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi mahupun dari sudut mutu bahasa yang digunakan.

Serentak dengan itu, mutu bahasa yang digunakan dalam semua bidang pentadbiran hendaklah dikawal dengan tegas. Dalam bidang pentadbiran, saran saya agak radikal tetapi masih tetap masuk akal. Jika kita dapat menerima sistem penolakan mata oleh Jabatan Pengangkutan Jalan untuk menghukum pesalah di jalan raya, maka tidak munasabahkah kakitangan kerajaan yang mengabaikan penggunaan bahasa kebangsaan dan yang

meremehkan penggunaan bahasa yang baik dipotong markah kemahirannya dalam penilaian prestasi kerjanya? Tentu langkah itu perlu didahului dengan usaha meningkatkan kemahiran bahasa mereka, sama dengan penekanan yang diberikan dalam kemahiran dalam aspek lain yang berkaitan dengan tugas kakitangan kerajaan. Dalam penguatkuasaan penggunaan bahasa Melayu, badan atau agensi yang diberi amanah perlu tegas. Sebagai contoh, Undang-undang Kecil Pengiklanan di Tempat Awam mensyaratkan pengutamaan bahasa Melayu, dan bahasa Melayu yang digunakan mestilah yang betul, malah disyaratkan supaya mendapat pengesahan DBP terlebih dahulu. Dalam bidang penyiaran pula, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia bertanggungjawab memastikan garis panduan yang mensyaratkan 60% siaran mestilah dalam bahasa Melayu dipenuhi oleh stesen radio dan televisyen swasta dan di samping itu mestilah dalam bahasa Melayu yang terkawal. Hingga kini, tampaknya mutu bahasa Melayu dalam bidang-bidang itu masih sukar dikawal biarpun DBP menawarkan khidmat nasihat bahasa, memberikan kursus bahasa terus-menerus, mengirimkan surat teguran dan juga memberikan anugerah dan hadiah sebagai pengiktirafan. Kita akui hakikat bahawa belum meluas kesedaran dan budaya berbahasa yang baik dan berkesan dalam kalangan sebilangan anggota masyarakat kita. Bahasa sebenarnya belum lagi dihargai sebagai “jiwa bangsa”. Pantun “Yang kurik kundi, yang merah saga; yang cantik budi yang indah bahasa” belum sebenar-benarnya dihayati oleh semua orang.

Selanjutnya, pemilik dan pengendali media, baik media cetak mahupun media elektronik perlu menjadikan usaha memulihara bahasa Melayu yang teratur sebagai tanggungjawab sosial. Kepentingan perniagaan dan sikap permisif dalam soal penggunaan bahasa, di samping dalam soal kandungan rancangan, tidak harus menjadi asas penerbitan dan penyiaran.

Selain itu, yang jauh lebih penting ialah keazaman politik dalam pelaksanaan dasar bahasa di negara ini. Jika para pemimpin memperlihatkan iltizam yang teguh dan jelas tentang keutamaan bahasa Melayu dan tentang mutu bahasa Melayu dalam ranah-ranah utama kehidupan di negara ini, maka saya yakin bahawa semua jabatan kerajaan dan pihak lain akan bersungguh-sungguh melaksanakan bahasa kebangsaan, dan pada waktu yang sama peka akan mutu bahasa yang digunakan. Kita berdoa bersama-sama agar iltizam Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan hendak menjadikan bahasa Melayu sebagai warisan bangsa dan negara yang agung menjadi kenyataan dan didukung oleh semua pihak, terutama pucuk pimpinan negara sendiri.

## KESIMPULAN

Bahasa Melayu telah menjadi bahasa yang besar dan diiktiraf oleh dunia sebagai bahasa antarabangsa pada suatu zaman dahulu. Sepatah kata Francois Valentyn, iaitu sarjana Belanda yang menulis sejarah bangsa di bahagian timur dunia pada abad ke-16, bahasa Melayu sungguh luas daerah penggunaannya hingga sesiapa jua yang datang ke alam Melayu perlu mempelajari dan menguasainya; malah orang yang tidak menguasainya dianggap orang yang tidak terpelajar. Demikian juga, bahasa Melayu telah menjadi bahasa hubungan diplomatik apabila segala surat dan perjanjian antara kerajaan di alam Melayu dengan kerajaan atau pihak lain di luar alam Melayu semuanya ditulis dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi.

Tentulah yang menjadikan bahasa Melayu demikian besarnya itu ialah bahasa yang teratur, terkawal dan berkesan pula, iaitu bahasa yang baku dan rasmi. Hakikat ini perlu dipertahankan jika kita hendak menjadikan bahasa Melayu bahasa yang mampu menjadi bahasa dunia moden. Usaha diturunkan darjat bahasa Melayu yang sudah mencapai taraf bahasa tinggi itu dengan mencemarkannya, atas nama perkembangan bahasa, fesyen semasa atau kebebasan dan hak asasi menggunakan bahasa. Bahasa Melayu di negara ini, khususnya, telah dirancang taraf dan korpusnya. Idealisme untuk membentuk bangsa dan negara yang bermaruah perlu turut berasaskan kekuatan dan kejitian bahasa bangsanya.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1999. "Bahasa Melayu Kristang" dlm. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1982. *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1992. *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2002. *Setia dan Santun Bahasa*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Awang Sariyan, 2000. *Warna dan Suasana Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan, 2002. *Ceritera Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan, 2005. *Tuntunan Bahasa*. Petaling Jaya: Pearson.
- Awang Sariyan, 2006. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Jacobson, R., 2004. *The Broadening Spectrum of A Malaysian Experience: From Informal Codemixing to Formal Codeswitching*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed, 2003. *Beberapa Topik Asas Sociolinguistik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Nik Safiah Karim (ed.), 1987. *Bahasa Melayu Tinggi: Teori dan Aplikasinya*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Nik Safiah Karim, 1990. *Beberapa Persoalan Sociolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad, 2002. *Ilmu Mengarang Melayu Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.